

13 NOV 2001

PM-MESYUARAT EU

NEGARA ANGGOTA EU SENANG DENGAN PENDIRIAN MALAYSIA MENGENAI ISU GLOBAL

PUTRAJAYA, 13 Nov (Bernama) -- Rombongan Ketua-ketua Diplomatik dari Kesatuan Eropah (EU) berpuas hati dan gembira dengan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai isu-isu daripada ekonomi hinggalah kepada keganasan.

Duta Belgium, Baudouin de Callatay, yang mengetuai kumpulan itu berkata, anggota-anggotanya berpuas hati tentang banyak perkara berhubung dengan pendirian Malaysia dalam isu-isu global.

"Sesi soal jawab berjalan lancar dan kami amat gembira dengan pendirian Malaysia mengenai keganasan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat itu di sini, hari ini.

Katanya, para anggota rombongan akan memaklumkan kepada kerajaan masing-masing bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang amat "sederhana".

Kumpulan itu, yang terdiri daripada 22 orang diplomat dari negara-negara anggota serta negara-negara calon anggota EU telah mengunjungi Perdana Menteri untuk berbincang dan berkongsi pendapat mengenai isu-isu global.

De Callatay berkata, mereka juga berbincang mengenai Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Dr Mahathir telah menyentuh tentang perlunya negara-negara miskin dibantu.

"Kami bersetuju dengan beliau dan kami juga mendapati bahawa dalam proses globalisasi adalah penting dipertimbangkan negara-negara miskin," katanya.

Timbalan Ketua Setiausaha (1) Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Datuk Aziz Mohamad berkata, kunjungan ke pejabat Perdana Menteri di sini hari ini merupakan kunjungan berkumpulan pertama yang dibuat oleh ketua-ketua rombongan Kesatuan Eropah.

"Ini hanyalah mesyuarat biasa mereka, bezanya, inilah kali pertama mereka berkumpul dan menemui Perdana Menteri," katanya.

Menurut Aziz, semasa sesi itu, para diplomat berkenaan meminta pendapat Dr Mahathir tentang isu-isu global, politik dan ekonomi. -- BERNAMA

NN FR KY OS